

11/03/2000

Isu Aceh bukti keakraban KL, Jakarta

Nazar Abdul

LAWATAN dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Indonesia yang bertujuan memperkukuhkan hubungan setiakawan yang sedia terjalin antara Malaysia dan negara jiran serumpun itu, sudah tercapai. Selain memperbaharui kerjasama dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi, Malaysia yang sebelum ini diminta menjadi orang tengah dalam isu Aceh, sudah menjelaskan pendirian negara mengenai perkara itu.

Bagi Malaysia, isu Aceh adalah masalah dalaman Indonesia. Sebolehnya mungkin ia tidak mahu mencampuri urusan dalaman negara itu bagi mengelakkan berlaku salah tafsiran. Tetapi, ini tidak bermakna Malaysia mahu lari daripada tanggungjawab.

Soal pokoknya ialah Malaysia tidak mahu melihat wilayah itu terpisah daripada republik berkenaan. Sebaliknya, Aceh perlu dijadikan benteng paling kukuh untuk mempertahankan kedaulatan Indonesia. Sekalipun ada masalah, jalan penyelesaian yang lebih baik perlu dicari. Pemisahan tidak berti menyelesaikan masalah. Rakyat Aceh sendiri tentunya sudah melihat perkembangan di negara itu yang mengusutkan keadaan.

Dasar Malaysia mengenai isu Aceh adalah jelas. Malaysia tidak pernah menghulur apa-apa bantuan kepada pergerakan pemisah Aceh. Meskipun ada dakwaan kononnya Malaysia membantu Gerakan Aceh Merdeka (GAM), ia sudah pun disangkal dan diperjelaskan kepada pemerintah Indonesia dipimpin Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur. Kemungkinan, atas dasar inilah Malaysia dilihat mampu membantu menyelesaikan pertikaian yang dihadapi antara golongan pemisah dan kerajaan Indonesia.

Sebolehnya mungkin, Malaysia lebih suka melihat Indonesia sendiri yang menyelesaikan masalah Aceh dengan caranya sendiri. Tetapi, ini tidak bermakna Malaysia langsung tidak mengambil peduli soal di republik itu. Jika terlalu tinggi harapan diletakkan ke bahu Malaysia, rasanya negara ini tidak berdaya menolaknya.

Sebagai sebuah negara jiran yang akrab, Malaysia mahukan wilayah Aceh di Barat Indonesia itu sentiasa aman dan makmur menerusi pentadbiran kerajaan Indonesia. Ini berasaskan kepada pengalaman melihat bagaimana sukarnya negara-negara kecil yang terpisah untuk membangunkan negaranya. Tambahan pula, ada kuasa lain yang memang mengintai untuk mencari kesempatan. Perkara ini sukar dielakkan kerana kuasa asing mahu melihat Indonesia terus dilanda malang. Mereka mahu melemahkan Indonesia supaya mudah menyusup ke rantau ini. Jika Aceh dan kerajaan Indonesia bertaut semula, ia akan mematikan semangat kuasa asing untuk memporak-perandakan Indonesia dan rantau ini.

Sebarang masalah yang wujud di wilayah itu membimbangkan Malaysia kerana ia turut mengancam keamanan dan keselamatan rantau Asean. Laporan mengenai keganasan dan pembunuhan yang berlaku di Aceh begitu menyedihkan. Ia perlu dihentikan segera. Kerajaan pimpinan Gus Dur perlu berusaha menangani masalah di wilayah itu.

Permintaan supaya Malaysia menjadi orang tengah isu itu adalah satu tanggungjawab dan kepercayaan daripada Indonesia. Sekiranya permintaan itu disambut, ia hendaklah diterima kedua-dua pihak - kerajaan Indonesia dan golongan pemisah Aceh. Tanpa persetujuan kedua-duanya, usaha itu tidak akan membawa penyelesaian muktamad.

Setakat ini peranan Malaysia sebagai orang tengah dalam masalah Aceh masih belum dijelaskan dengan terperinci. Malaysia tidak mahu dituduh terlalu menyebelahi kerajaan Indonesia ataupun gerakan pemisah Aceh dalam

proses ini. Apa yang penting kedua-dua pihak dapat mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan isu berkenaan secepat mungkin.

Dalam pertemuan dengan Gus Dur di Jakarta, Dr Mahathir memberitahu Presiden Indonesia itu beliau sudah pun bertemu dengan beberapa pemimpin agama Aceh baru-baru ini dan menjelaskan kepada mereka bahawa Malaysia ingin melihat Aceh kekal dalam Indonesia.

Gus Dur dilaporkan bersetuju dengan cadangan supaya Malaysia diminta menjadi orang tengah menyelesaikan masalah Aceh. Walaupun pada peringkat awal ada kalangan anggota Parlimen Indonesia (Dewan Perwakilan Rakyat) yang membantah cadangan itu, Gus Dur tetap merestui peranan Malaysia itu. Adalah melegakan apabila Gus Dur menyatakan bahawa masalah Aceh kini sudah berkurangan dan pelbagai usaha sedang giat dijalankan untuk menyelesaikannya.

(END)